

PARAGON PREMIUM SDN. BHD.

201601021916 (1192855-H)

Level 10-01, Grand Paragon Hotel
No 18, Jalan Harimau, Taman Century
80250 Johor Bahru. Johor

Tel: 607- 278 1111

DASAR POLISI DATA PERIBADI

ISI KANDUNGAN

1.	POLISI	3
2.	SUMBER MAKLUMAT PERIBADI	3
3.	TUJUAN PENGUMPULAN MAKLUMAT PERIBADI	4
4.	PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI	6
5.	KESAN DARIPADA PENOLAKAN ATAU KEGAGALAN UNTUK MEMBEKAL MAKLUMAT PERIBADI	7
6.	PERLINDUNGAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA	7
7.	KETEPATAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA	8
8.	HAK UNTUK MENGAKSES DAN MEMBETULKAN MAKLUMAT PERIBADI	8
9.	PEMINDAHAN DATA PERIBADI ANDA KE LUAR NEGARA	9
10.	LAMAN WEB	9
11.	HUBUNGI KAMI	11
12.	PERUBAHAN POLISI	11
13.	PENAFIAN	11

1. POLISI

Paragon Premium Sdn. Bhd. dan anak syarikatnya atau syarikat berkaitan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Paragon Premium Sdn. Bhd.", "Kami". Pihak Kami") komited untuk melindungi privasi dan keselamatan data peribadi yang mungkin diberikan oleh individu (termasuk tetapi tidak terhad kepada vendor, pelanggan, pembekal, kontraktor, pembekal perkhidmatan, rakan kongsi perniagaan, ejen, penyewa, pekerja dan pemohon pekerjaan) yang berurusan dengan pihak kami. Pihak kami akan memproses data peribadi mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta") dan peraturan lain, garis panduan, kod amalan, pindaan, penggubalan semula Akta tersebut dari semasa ke semasa.

Dasar Privasi ini terpakai untuk data peribadi yang kami pegang berkenaan individu tersebut yang mana pihak kami mengumpul, menggunakan, mendedahkan, menyimpan, memproses dan menguruskan data peribadi tersebut. Melalui laman web www.paragongateway.com.my atau memasuki sebarang aturan, membuat perjanjian dan/atau kontrak dengan pihak kami, anda dianggap telah membaca dan bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyimpanan, pemprosesan dan pengurusan data peribadi anda mengikut Dasar Privasi dan pihak kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang data peribadi yang telah didedahkan dan/atau disalahgunakan secara amnya dan/atau sudah dalam pengetahuan umum dan untuk sebarang risiko dan/atau dengan menerbitkan mana-mana data di dalamnya.

2. SUMBER MAKLUMAT PERIBADI

Paragon Premium Sdn. Bhd. mengumpul data peribadi anda di dalam pelbagai cara samada cetakan dan/atau elektronik melalui platform digital dan/atau mudah alih data peribadi akan diproses secara berbeza berdasarkan jenis dan perkhidmatan yang diminta. Data peribadi hendaklah tertakluk kepada Akta, privasi dan undang-undang lain yang serupa dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang anda sediakan untuk kami: -

- (a) Data peribadi yang mungkin diberikan secara langsung atau tidak daripada pilihan untuk membeli, pesanan jualan, permohonan, borang, persetujuan, tinjauan dan dokumen peribadi yang disediakan oleh anda termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, tarikh kelahiran, umur, jantina, bangsa, status perkahwinan, pekerjaan, butiran kontak, alamat e-mel, sejarah pekerjaan, pendidikan, tahap pendapatan peribadi, maklumat demografi dan data peribadi lain yang dibenarkan oleh undang-undang. Dengan berbuat demikian, anda bersetuju dan membenarkan Paragon Premium Sdn Bhd untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi anda;
- (b) maklumat pihak ketiga yang mungkin diberikan atau disediakan kepada pihak kami termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat pasangan, anak, ibu bapa, pengarah, pemegang saham, penjamin (secara kolektif dikenali sebagai ("Orang Berkenaan")). Dalam keadaan sedemikian, anda menyatakan bahawa anda telah mendapat persetujuan Orang Berkenaan dan diberi kuasa untuk memberikan kepada kami data peribadi mereka didalamnya dan untuk kami mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi mereka untuk tujuan masing-masing.

2. SUMBER MAKLUMAT PERIBADI (sambungan)

- (c) maklumat bil bayaran berkenaan transaksi anda dengan pihak kami seperti status akaun, baki akaun, rekod pembayaran, pengumpulan data daripada laporan biro kredit dan agensi laporan kredit; dan
- (d) maklumat transaksi yang mungkin diberikan secara langsung atau tidak oleh anda, wakil sah anda, agen, bank/institusi kewangan, agensi kerajaan dan/atau majikan daripada pertanyaan, permohonan, perjanjian jual beli, penyata bank, borang pendaftaran yang lengkap dari pelbagai tujuan.

3. TUJUAN PENGUMPULAN MAKLUMAT PERIBADI

Paragon Premium Sdn. Bhd. mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan berikut: -

- (a) untuk memproses produk dan/atau perkhidmatan yang anda minta serta produk dan/atau perkhidmatan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang disediakan melalui pihak kami atau yang mana menarik minat anda dari semasa ke semasa;
- (b) untuk memudahkan, melaksanakan dan/atau merasmikan sebarang perkhidmatan dan/atau transaksi;
- (c) untuk memproses sebarang pembayaran berkaitan dengan perkhidmatan yang anda minta;
- (d) untuk mentadbir dan memproses pembayaran berkaitan transaksi, produk dan/atau perkhidmatan yang anda minta;
- (e) untuk mentadbir dan berkomunikasi dengan anda berkaitan produk dan/atau perkhidmatan;
- (f) untuk mentadbir, menjalankan, mengekalkan dan menambah baik pengurusan perhubungan, produk dan/atau perkhidmatan pelanggan dan pelanggan prospek kami;
- (g) untuk mengekalkan dan mengemas kini pelanggan dan pelanggan prospek kami dan untuk simpanan rekod dalaman kami;
- (h) untuk menjawab sebarang pertanyaan, permintaan dan/atau aduan dan menyelesaikan sebarang isu dan pertikaian yang mungkin timbul berkaitan sebarang urusan dengan pihak kami;
- (i) untuk tujuan audit dalaman/luaran dan/atau siasatan;

3. TUJUAN PENGUMPULAN MAKLUMAT PERIBADI (sambungan)

- (j) untuk memudahkan penyertaan anda di dalam mana-mana peraduan dan/atau acara;
- (k) untuk menjalankan penyelidikan dan tinjauan pasaran dengan pelanggan berprofil dan aktiviti pembangunan perniagaan serta penyelidikan pasaran, analisa statistik dan produk dan/atau perkhidmatan kami;
- (l) untuk mematuhi polisi dan prosidur dalaman Paragon Premium Sdn. Bhd. dan undang-undang dan kewajipan kawal selia dalam menjalankan perniagaan.
- (m) untuk menilai permohonan kerja anda dan menjalankan pengesahan dan semakan latar belakang sebagai salah satu daripada proses pengambilan dan pemilihan berkaitan dengan permohonan anda untuk bekerja dengan pihak kami;
- (n) untuk menghantar mesej promosi, maklumat pemasaran dan tawaran istimewa berkenaan produk/perkhidmatan lain kepada anda berdasarkan privasi anda.
- (o) untuk mentadbir dan melaksanakan transaksi komersial anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada pemberian tender, kontrak untuk perkhidmatan, perjanjian penyewaan) dengan pihak kami;
- (p) untuk menjalankan semakan kredit/perdagangan dan semakan latar belakang yang lain dan kelayakan kredit anda;
- (q) bagi maksud penilaian kredit, semakan atau laporan dan menjalankan kutipan hutang atau membantu institusi lain untuk berbuat demikian;
- (r) untuk mengesan, menyiasat dan mencegah aktiviti penipuan, larangan atau menyalahi undang-undang;
- (s) untuk memenuhi sebarang keperluan undang-undang yang berkenaan dan membuat pendedahan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, undang-undang kecil, perintah, garis panduan dan/atau arahan yang terpakai kepada kami;
- (t) sekiranya anda memohon penajaan, untuk menilai kelayakan anda dan sekiranya anda berjaya untuk penyediaan dan pelaksanaan perjanjian dan dokumen tersebut dan pentadbiran kepada penajaan tersebut.
- (u) untuk membolehkan kami melaksanakan kewajipan kami dan menguatkuasakan hak kami dan/atau mendapatkan nasihat undang-undang; dan/atau
- (v) sebarang tujuan lain yang diperlukan untuk mengendali, menyelenggara dan menguruskan perniagaan yang lebih baik dan hubungan anda dengan pihak kami.

3. TUJUAN PENGUMPULAN MAKLUMAT PERIBADI (sambungan)

Dalam sesuatu acara dimana data peribadi diminta oleh kami, anda mempunyai pilihan untuk tidak memberikan maklumat tambahan yang diminta didalamnya selain daripada maklumat yang diperlukan untuk memudahkan transaksi komersial. Sekiranya data peribadi diberikan tidak mencukupi atau persetujuan anda atau mana-mana Orang Berkenaan ditarik balik, kami tidak dapat memberikan anda produk dan perkhidmatan dan/atau memenuhi mana-mana permintaan anda kepada kami untuk sebarang tujuannya.

Kami akan menggunakan dan berkongsi data anda untuk tujuan analisis dan penilaian untuk memahami bagaimana produk dan perkhidmatan kami digunakan, untuk membantu meningkatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, untuk memahami cara produk dan perkhidmatan kami digunakan dan memberikan pelanggan pengalaman yang lebih lancar. Sebagai contoh, kami menganalisis data berkenaan pilihan dan keutamaan anda ke atas produk dan perkhidmatan kami yang anda beli dan menghantar kepada anda sasaran iklan dan bahan promosi. Kami juga memproses data tentang iklan tersebut untuk membantu kami dan pengiklan memahami prestasi kepelbagaian kempen iklan itu.

4. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI

Data peribadi diberikan kepada kami mungkin termasuk tetapi tidak terhad untuk didedahkan sepertimana yang berikut: -

- (a) kepada syarikat subsidiary Paragon Premium Sdn Bhd, syarikat bersekutu dan/atau syarikat gabungan;
- (b) kepada ejen atau agensi hartanah;
- (c) kepada agensi pelaporan kredit;
- (d) kepada penasihat profesional, juruaudit luar termasuk tidak terhad kepada penasihat undang-undang, penasihat kewangan dan perunding;
- (e) kepada agensi kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa kawal selia, mahkamah, tribunal, dan/atau sebagaimana yang dikehendaki atau diberi kuasa di bawah undang-undang untuk memenuhi mana-mana undang-undang, peraturan, perintah atau penghakiman mahkamah atau tribunal atau pertanyaan yang terpakai daripada pihak berkuasa yang berkenaan.
- (f) kepada rakan usaha sama / kongsi perniagaan dan pelabur, produk dan/atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga, pembekal, vendor, kontraktor, pemproses data yang berkaitan dengan perniagaan kepada kami atau bagi pihak kami.
- (g) kepada pihak ketiga lain yang kami mempunyai hubungan komersial untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan yang berkaitan, melainkan anda tidak berminat untuk mendedahkan kepada pihak ketiga tersebut.

4. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI (sambungan)

- (h) kepada pelaporan kredit pihak ketiga atau agensi pekerjaan sebagai sebahagian daripada proses pengambilan dan pemilihan berkaitan dengan permohonan anda untuk bekerja dengan kami;
- (i) sekiranya terdapat cadangan atau penjualan/pelupusan mana-mana perniagaan atau kepentingan kami, penggabungan, pengambilalihan, penyatuan, penyusunan semula, atau penjualan asset yang berkaitan dengan kami, atau berlakunya penggulungan syarikat (Transaksi) maklumat peribadi anda mungkin diperlukan untuk didedahkan atau dipindahkan kepada pihak ketiga atau anda mengakui perkara tersebut dan memberi kebenaran kepada pihak kami melepaskan data peribadi kepada pihak ketiga dan penasihat/wakilnya dan/atau mana-mana pihak yang memerlukan supaya kami dapat mengekalkan perniagaan kami atau menjalankan aktiviti berkaitan dengan tujuan tersebut.

Maklumat peribadi anda mungkin didedahkan kepada pihak ketiga yang berkaitan (dalam atau luar Malaysia) seperti yang dikehendaki dibawah undang-undang, kontrak yang berkaitan atau hubungan perniagaan, pembekal perkhidmatan kami, atau untuk tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 3 (Tujuan pengumpulan maklumat peribadi) di atas (atau berkaitan secara langsung dengan tujuan tersebut).

5. KESAN DARIPADA PENOLAKAN ATAU KEGAGALAN UNTUK MEMBEKAL MAKLUMAT PERIBADI

Keengganan atau kegagalan untuk memberikan Data Peribadi boleh mengakibatkan perkara yang berikut:

- a) Ketidakupayaan pihak lain untuk merasmikan dan/atau menjalankan perjanjian atau transaksi berkaitan dengan penjualan hartanah, produk dan/atau perkhidmatan;
- b) Ketidakupayaan kami untuk memberikan anda maklumat, produk dan/atau perkhidmatan yang diminta; dan/atau
- c) Ketidakupayaan untuk memberikan anda maklumat dan mendapatkan maklum balas tentang produk dan/atau perkhidmatan kami.

6. PERLINDUNGAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Kami berusaha untuk memastikan keselamatan, integriti dan privasi data peribadi yang dikumpulkan. Semua pekerja kami, rakan usaha sama/kongsi perniagaan, ejen, kontraktor, vendor, pembekal, pemproses data, produk pihak ketiga dan/atau pembekal perkhidmatan yang mempunyai akses dan yang dikaitkan dengan pemprosesan data peribadi anda diwajibkan untuk menghormati rahsia data peribadi anda. Kami tidak menerima tanggungjawab untuk sebarang akses tanpa kebenaran atau kehilangan data peribadi yang di luar kawalan kami.

7. KETEPATAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Kami akan mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan semua data peribadi yang kami kumpul, guna atau dedahkan adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan, terkini dan boleh dipercayai. Ketepatan maklumat peribadi anda bergantung kepada maklumat yang anda berikan. Oleh itu, adalah menjadi syarat kami menyediakan produk, perkhidmatan dan/atau kemudahan kepada anda bahawa anda:

- (a) memberi jaminan dan mengisytiharkan bahawa semua data peribadi anda yang diserahkan atau akan diserahkan kepada kami adalah tepat, tidak mengelirukan, dikemas kini dan lengkap dalam semua aspek untuk tujuan memperoleh atau menggunakan produk, perkhidmatan dan/atau fasiliti yang berkaitan dan anda tidak menahan sebarang data peribadi dan kami diberi kuasa menganggap data peribadi yang diberikan adalah tepat dan kemas kini semasa memproses data peribadi tersebut.
- (b) segera mengemas kini dengan pihak kami sekiranya data peribadi yang diberikan kepada kami sebelum ini menjadi tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan, telah lama atau berubah dalam apa cara sekalipun dengan menghubungi pihak kami di butiran kontak yang ditunjukkan dalam Seksyen 11; dan
- (c) mengakui bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami dan yang kami kumpul dari anda, adalah maklumat anda sendiri yang anda telah beri kuasa untuk memberikan kepada kami.

8. HAK UNTUK MENGAKSES DAN MEMBETULKAN MAKLUMAT PERIBADI

Tertakluk kepada pengecualian yang diperuntukkan di bawah undang-undang Malaysia, anda mempunyai hak untuk meminta akses dan mendapatkan sebahagian atau semua data peribadi anda yang disimpan oleh kami dan meminta pembetulan, kemas kini, memusnahkan dan memadam data pada bila-bila masa.

Kami akan mendapatkan akses dan membetulkan data peribadi anda seperti yang diminta oleh anda sekiranya kami menyimpan data peribadi anda dan anda boleh mengesahkan bahawa data peribadi tersebut adalah tidak betul, tidak tepat, tidak lengkap dan tidak terkini, kami akan mengambil langkah untuk membetulkan data peribadi anda dengan secepat mungkin dari masa permintaan untuk mengakses diterima.

Kami berhak untuk mengenakan bayaran untuk mengakses data peribadi anda dalam jumlah bayaran yang dibenarkan undang-undang. Berkenaan hak anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembetulan ke atas data peribadi anda, kami mempunyai hak untuk menolak permintaan anda atas sebab yang dibenarkan di bawah undang-undang.

9. PEMINDAHAN DATA PERIBADI ANDA KE LUAR NEGARA

Mungkin perlu bagi kami untuk memindahkan maklumat peribadi anda ke luar Malaysia sekiranya mana-mana pihak ketiga yang disebut di dalam Seksyen 4 (Pendedahan maklumat peribadi) di atas termasuk pembekal perkhidmatan atau rakan kongsi perniagaan kami yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada kami berada atau mempunyai kemudahan pemprosesan di negara-negara luar Malaysia.

Kebenaran anda kepada kami untuk memindahkan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga tersebut ke luar negara untuk tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 3 (tujuan pengumpulan maklumat peribadi)

Kami akan mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa mana-mana pihak ketiga adalah terikat dengan kontrak untuk melindungi maklumat peribadi anda dan bahawa mereka hanya boleh memproses maklumat peribadi anda di bawah arahan kami,

10. LAMAN WEB

10.1 Pautan ke laman web yang lain

Pautan ke laman web lain disediakan untuk kemudahan dan maklumat anda,. Laman web ini mungkin mempunyai kenyataan privasi mereka sendiri, kami cadangkan anda menyemak sekiranya anda melawat mana-mana laman web pautan. Pihak kami tidak bertanggungjawab ke atas kandungan dalam pautan laman web atau sebarang penggunaan laman-laman web tersebut,

10.2 Produk atau aplikasi mengesan lokasi

Produk atau aplikasi mengesan lokasi menyampaikan maklumat lokasi anda kepada kami. Kami tidak menggunakan maklumat yang dihantar atau dibekalkan Fungsi pengesanan lokasi adalah pilih masuk dan anda mempunyai kawalan atas penyertaan anda dan boleh menutup perkhidmatan pada bila-bila masa atau menyahpasangkannya.

Sesetengah apliasi mudah alih akan menggunakan Google Analytics (atau alat yang serupa) untuk membantu kami melayan anda dengan lebih baik melalui produk, perkhidmatan yang telah diperbaiki dan semakin terhadap aplikasi mudah alih. Maklumat yang terkumpul ini tidak akan mengenalpastikan anda kepada kami. Walau bagaimanapun, ia mungkin dapat memberitahu kami tanpa nama tentang perkhidmatan-perkhidmatan dan fungsi-fungsi yang paling kerap digunakan dalam aplikasi tersebut dan juga jenis peranti dan fungsi perkakasan, negara dan bahasa muat turun.

10. LAMAN WEB (sambungan)

10.3 Pembekal Perkhidmatan

Kami mungkin mengaji syarikat atau individu pihak ketiga untuk memudahkan Perkhidmatan kami ("Pembekal Perkhidmatan"), menyediakan, melaksanakan perkhidmatan bagi pihak kami, atau membantu kami dalam menganalisis bagaimana Perkhidmatan kami digunakan.

Pihak ketiga ini mempunyai akses kepada Data Peribadi anda hanya untuk melaksanakan tugas ini bagi pihak kami dan diwajibkan untuk tidak mendedahkan atau menggunakannya untuk sebarang tujuan lain.

10.4 Analisis

Pihak kami mungkin menggunakan Pembekal Perkhidmatan pihak ketiga untuk memantau dan menganalisis penggunaan Perkhidmatan kami.

10.5 Cookies (Kuki)

Kuki mungkin boleh digunakan dalam memproses maklumat anda. Suatu kuki ialah fail teks yang ditempatkan di dalam memori komputer dan/atau peranti anda oleh komputer kami. Salinan fail teks ini dihantar oleh komputer dan/atau peranti anda apabila ia berkomunikasi dengan pelayan kami. Kami menggunakan kuki untuk mengenal pasti anda. Kami juga mengumpul maklumat berikut semasa anda melawat laman web dan/atau nama domain yang berkelayakan anda mengakses laman web kami, atau secara alternatif, alamat IP anda:

- tarikh dan masa anda mengakses setiap halaman di web kami;
- URL bagi mana-mana laman web dari mana anda mengakses tapak sesawang kami (perujuk); dan
- pelayar web yang anda sedang gunakan dan laman web yang telah anda akses.

Sesetengah laman web mungkin memerlukan anda memberikan sebilangan maklumat peribadi yang terhad untuk menikmati sesetengah perkhidmatan atas laman web kami (system log masuk, alamat e-mel dan kontak dll). Maklumat peribadi ini hanya boleh digunakan untuk tujuan yang dikehendaki sahaja seperti untuk membalas mesej anda atau menghantar perkhidmatan yang diminta.

11. HUBUNGI KAMI

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin mendapatkan maklumat mengenai data peribadi anda atau membuat aduan berkenaan data peribadi anda, sila hubungi kami di: -

Nama Syarikat : Paragon Premium Sdn. Bhd.

Alamat : No. 10-01, Level 10, Grand Paragon Hotel,
No. 18 Jalan Harimau, Taman Century, 80250
Johor Bahru, Johor

Tel : 07-278 1111

Faks : 07-278 1111

E-mel : paragonpremiumdeveloper@jolandgroup.com.my

12. PERUBAHAN POLISI

Kami mempunyai hak untuk menukar Dasar Privasi ini pada bila-bila masa untuk mematuhi atau selaras dengan perubahan dalam undang-undang dan peraturan serta operasi atau polisi perniagaan kami. Oleh itu, anda boleh menyemak sebarang perubahan kepada Dasar Polisi di laman web kami www.paragongateway.com.my dari semasa ke semasa.

Dengan terus melibatkan diri dengan kami berkenaan produk dan/atau perkhidmatan kami atau mengakses laman web kami selepas perubahan polisi tersebut, anda akan dianggap telah bersetuju dengan Notis Privasi ini (perubahan).

13. PENAFIAN

Dasar Privasi ini tidak akan berfungsi sebagai kontrak dan tidak juga dicadangkan sebagai sebarang kewajiban dipihak kami dengan pihak lain. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang pendedahan secara sukarela data peribadi anda di sini.

PARAGON PREMIUM SDN. BHD.

201601021916 (1192855-H)

Alamat Ibu Pejabat :

No.10-01, Level 10, Grand Paragon Hotel, No.18, Jalan Harimau,
Taman Century, 80250 Johor Bahru, Johor

Tel: (+607) 278 1111

Email: paragonpremiumdeveloper@jolandgroup.com.my

Website: www.paragongateway.com.my